

TEKS UCAPAN
YB MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
SAMBUTAN HARI BUMI
PROGRAM PENGUMPULAN HOUSEHOLD E-WASTE
TANGKAK, 22 APRIL 2017

SALUTATION

Terima kasih Saudara Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

YANG BERHORMAT DATUK IR. DR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

YANG BERHORMAT DATUK HJ. AYUB BIN RAHMAT

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor

YANG BERHORMAT DATUK M. ASOJAN A/L MUNIYANDY

ADUN Kawasan Gambir

YANG BERHORMAT TUAN HAJI ABD RAZAK BIN MINHAT

ADUN Serom

YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI ABDUL 'ALIM BIN ABD. SHUKOR

Pegawai Daerah Tangkak

YANG BERBAHAGIA DATO' SR. DR. AZIMUDDIN BIN BAHARI

Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-setiausaha Bahagian Kementerian, Ketua Jabatan Daerah, Penghulu-penghulu, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.

Dif-dif jemputan, wakil media massa dan para hadirin sekalian.

PENDAHULUAN

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku, Alam Sekitarku.

1. Pertamanya marilah kita memanjatkan setinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmatNya dapatlah kita berkumpul bersama-sama di dalam Majlis Sambutan Hari Bumi 2017, Program Pengumpulan Household E-Waste, Malaysia Book of Records.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang telah sudi melapangkan masa dan hadir ke majlis kita pada pagi ini, terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Besar Johor yang memberikan komitmen. Ini jelas menunjukkan Kerajaan Negeri Johor amat peka dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar yang kian mendapat perhatian rakyat Malaysia.

HARI BUMI 2017, "ENVIRONMENTAL AND CLIMATE LITERACY"

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian.

3. Hari ini, kita bersama-sama, seluruh warga Ledang, menyambut Hari Bumi. Hari Bumi disambut setiap tahun pada 22 April. Tema Hari Bumi pada tahun ini adalah "Environmental and Climate Literacy" atau "Kecelikan Alam Sekitar dan Iklim".

4. Tema ini diambil bertujuan untuk memastikan masyarakat terutamanya golongan muda yang bakal menjadi pemimpin Negara pada masa depan, celik dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar dan perubahan iklim serta mampu membuat keputusan dengan mengambil kira factor-faktor alam sekitar. Harapan ini bukan sahaja amat bermakna, malah ia turut sangat penting dan tepat pada masanya.

5. Harapan ini selari dengan inisiatif Kerajaan terkini, iaitu Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang dibentuk untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara yang memenuhi aspirasi penduduknya. Dengan kecelikan isu-isu alam sekitar dan perubahan iklim di kalangan masyarakat kita, wawasan masa depan Negara kita akan lebih jelas, bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati persekitaran yang kondusif, bersih dan selesa, selari dengan pembangunan Negara.

(i) KECELIKKAN ALAM SEKITAR

6. Galakan literasi atau kecelikan alam sekitar di kalangan masyarakat perlu dibentuk bermula sejak peringkat pra-sekolah lagi. Kementerian ini menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan pelbagai usaha dalam meningkatkan tahap kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat. Ini termasuklah, menjalankan program kesedaran alam sekitar untuk pelbagai kumpulan sasaran dan peringkat masyarakat bermula dari peringkat pelajar pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. Program-program tersebut adalah Program Pra-Sekolah Lestari, Program Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar, Program Bicara

Berirama Alam Sekitar, Program Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi dan Program Rakan Alam Sekitar.

7. Selain dari itu, sebagai usaha lain untuk menggalakkan literasi alam sekitar, Pembangunan Indikator Untuk Menilai Kesedaran Alam Sekitar di Malaysia yang diperkenalkan oleh JAS turut menekankan aspek Kecelikan Alam Sekitar sebagai satu elemen yang perlu diberi perhatian dalam membentuk transformasi ke arah perubahan sikap dan minda masyarakat untuk membentuk alam sekitar negara yang lestari.

8. Dalam perkara ini juga, Kementerian saya juga berhasrat untuk memperkenalkan subjek pendidikan alam sekitar di sekolah bagi memastikan generasi muda lebih peka mengenai alam sekitar dan ancaman pencemaran. Beberapa engagement telah dibuat bersama pihak-pihak berkepentingan termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

(ii) KECELIKKAN PERUBAHAN IKLIM

9. Pada hari ini juga, genaplah setahun Malaysia menandatangani Perjanjian Paris kita telah pun mengesahkan (*ratify*) Perjanjian ini pada 16 November 2016 yang lalu. Perjanjian ini adalah komitmen Kerajaan untuk melawan kesan perubahan iklim dengan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 45% pada tahun 2030. Antara contoh kesan perubahan iklim di Malaysia adalah seperti cuaca panas melampau dan

banjir kilat. Pelbagai inisiatif telah dijalankan untuk memastikan komitmen ini dicapai, antaranya :-

- (i) Memastikan kualiti minyak petrol dan diesel ditingkatkan di Negara ini dan seterusnya meningkatkan status kualiti udara dengan Pewartaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) (Pindaan) 2015 dengan tarikh penguatkuasaannya adalah pada tahun 2020 bagi EURO5 Diesel dan 2025 bagi EURO5 Petrol.
- (ii) Mengekal sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi dengan kawasan hutan dan litupan pokok melalui Program Pengurangan GHG Intensiti melalui Land Use Land Use Change and Forestry (LULUCF)
- (iii) Penyelarasan Tindakan Mitigasi Perubahan Iklim oleh semua sector berkaitan (sisa, proses industry, tenaga, pengangkutan) berpandukan keputusan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Bil 1/2016.

PROGRAM PENGUMPULAN HOUSEHOLD E-WASTE PROGRAM

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian.

10. Program Pengumpulan Household E-Waste yang dianjurkan pada hari ini juga adalah bertujuan untuk memberikan “kecelikkan” kepada rakyat Malaysia mengenai kaedah yang tepat untuk menguruskan buangan peralatan elektrik dan elektronik dari rumah atau dikenali sebagai E-Waste.

Antara contoh E-Waste dari rumah adalah seperti peti sejuk terpakai, komputer, telefon bimbit, mesin pencetak, penghawa dingin, periuk nasi, pemanas air dan sebagainya.

11. Statistik menjangkakan Negara kita akan menghasilkan sebanyak 53juta E-Waste pada tahun 2020, iaitu 3.5 kali ganda berbanding tahun 1995. Jika E-waste ini tidak diuruskan dengan baik dan dibuang sewenang-wenangnya di tapak pelupusan sampah, bahan-bahan pencemar yang terkandung dalam e-waste ini seperti nikel, kromium, timah, plumbum berpotensi untuk melarut-resap di tapak pelupusan sampah dan mencemarkan air serta permukaan tanah. Ia juga menjadi punca kepada pemanasan global, dan mengurangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah.

12. Untuk makluman hadirin semua, Malaysia merupakan Negara pertama di Rantau Asia Tenggara yang membangunkan sistem pengurusan E-Waste dengan bantuan Japan International Cooperation Agency (JICA). Dengan pengurusan yang tepat, E-waste ini boleh dikitar semula, dengan menggunakan kembali logam yang berharga seperti emas dan platinum yang terdapat di dalamnya.

13. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada warga Ledang, yang berjaya menyahut seruan ini dengan mengumpulkan sebanyak 31,440 kg e-waste dan mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Record. Kejayaan amatlah

luar biasa dan perlu dipuji, kerana tanpa kerjasama dan usaha semua rakyat di Ledang, rekod ini tidak dapat dicapai.

14. Dalam perkara ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada suri rumah tangga yang mengukuhkan institusi kekeluargaan di Negara kita. Mereka adalah tulang belakang menguruskan keluarga kita, tanpa rasa letih dan jemu. Dan saya percaya, dengan kecelikkan mereka mengenai bahan buangan e-waste dari rumah, banyak membantu kita merealisasikan target kita dalam mencapai pengumpulan e-waste pada hari ini.

MEMPERKUKUHKAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR (LAW REFORM)

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian.

15. Bagi merealisasikan ekspresi “Kecelikkan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim”, bidang perundangan mengenai pengurusan alam sekitar juga perlu diberikan penekanan. Perkara ini perlu ditambah baik kerana isu alam sekitar telah mendapat perhatian masyarakat di seluruh Negara. Permintaan orang ramai terhadap kualiti hidup dan persekitaran yang lebih baik memerlukan undang-undang yang komprehensif bagi menghadapi isu-isu alam sekitar yang kompleks.

16. Dalam proses untuk merealisasikan penguatkuasaan yang kukuh, mantap dan berkesan serta memudahcara pelaksanaan kerja penguatkuasaan ke arah lebih cekap selaras dengan perkembangan pengurusan dan pembangunan alam sekitar yang lebih lestari serta teknologi kawalan pencemaran serta memudahkan rujukan oleh stake holder termasuk orang awam, pihak industri, perunding, badan kehakiman, badan perundangan, pengamal undang-undang dan agensi itu sendiri, sesuatu Jabatan itu hendaklah melihat semula dan membuat reformasi keatas peruntukan perundangan yang sedia ada di Jabatan masing-masing.

17. Reformasi perundangan termasuklah melakukan pengubahsuaian dan perluasan keatas perkara yang baru yang lebih relevan, membuat pembetulan kepada perkara yang tidak menepati dan melakukan pembatalan keatas perkara yang tidak diperlukan, tidak relevan dan lapuk.

18. Bagi mencapai hasrat tersebut, JAS telah mengambil pendekatan mereformasi perundangan Jabatan seperti berikut:

(i) Menggubal semula Akta Alam Sekitar bagi menggantikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Ini juga selaras dengan arahan dari saya sendiri dan juga syor oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Malaysia dalam mesyuarat bersama JAS pada 8 Mac 2016 supaya AKAS digubal semula dan diberi wajah baru sesuai dengan perkembangan dan isu-isu semasa berkaitan dengan alam sekitar.

(ii) Antara dasar atau asas penggubalan akta yang baru adalah mengundang-undangan pelaksanaan pendekatan *Self Regulation* oleh industri, pelaksanaan amalan Industri Hijau, kawalan projek berimpak tinggi, kawalan operasi premis di kawasan rezab sungai, penyiasatan awal tapak, kawalan terhadap buangan terjadual isi rumah, penyiasatan forensik dalam aktiviti penguatkuasaan pemantapan kuasa Meneteri dan Ketua Pengarah, mengiktiraf kepakaran pegawai jabatan dan individu, mengoptima nilai penalti dan kompaun

(iii) Memantapkan prosedur penilaian impak alam sekitar termasuk projek berimpak tinggi dengan mewujudkan elemen-elemen pengesahan Bidang Rujukan (Term of References (TOR)) untuk penyediaan kajian EIA bagi memastikan kelestarian alam sekitar seiring dengan pembangunan.

PENGHARGAAN KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian.

19. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang banyak menyumbangkan masa dan tenaga dalam menjayakan Program Pengumpulan Household E-Waste ini. Terutamanya adalah Pusat Khidmat Parlimen Ledang, Majlis Daerah Tangkak, Pejabat Daerah Tangkak, Jabatan-jabatan Kerajaan, Pejabat Pelajaran Daerah, Ketua-ketua Kampung, Sekolah-sekolah dan sebagainya.

20. Turut menjadi tulang belakang kepada program ini, iaitu Syarikat Shaan Poornam sebagai kontraktor kutipan e-waste yang sentiasa bersedia untuk menjalankan tugas dalam memastikan target pengumpulan ini tercapai.

PENUTUP

21. Akhir kata, besarlah harapan saya untuk rakyat Malaysia terutamanya warga Ledang, untuk menjadi suara dan generasi yang celik terhadap isu-isu alam sekitar dan perubahan iklim.

22. Semoga usaha-usaha kita ini diberkati Allah Subhanawataala dan berjaya untuk menerapkan amalan-amalan mencintai alam sekitar di setiap hati di semua lapisan rakyat kita.

Negaraku, Alam Sekitarku.

Sekian. Terima kasih

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah
Hiwabarakatuh.